



**KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH DESA PERDANA PERINGKAT NEGERI
SARAWAK 2017
KOMPLEKS DEWAN UNDANGAN NEGERI(LAMA), PETRA JAYA**

**10 OGOS 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 2.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

ALUAN-ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah Rahmat-Nya jua, maka pada hari ini kita dapat bersama-sama pada **Majlis Penyampaian Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri Sarawak**. Ini adalah program ke-5 dan terakhir bagi peringkat Zon setelah selesai pelaksanaan di Zon Utara, Tengah dan Selatan, Sabah dan Zon Timur.

2. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada semua yang hadir mewakili kampung Tradisional dan Rumah Panjang Negeri Sarawak yang telah melayakkan diri ke Peringkat Negeri. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya Kerajaan Negeri, Kementerian Pemodenan Pertanian Wilayah Negeri Sarawak, kepimpinan peringkat daerah, kampung dan Rumah Panjang, jabatan dan agensi serta semua pihak yang membantu KKLW dalam menjayakan program ini. Kepada Kerajaan Negeri Sarawak, saya amat berterima kasih dan sangat menghargai segala kerjasama yang telah diberikan.

ANUGERAH DESA PERDANA

3. Program Anugerah Desa Perdana adalah kemuncak iltizam Kerajaan untuk menghargai dan mengiktiraf kepimpinan kampung yang telah berusaha bersungguh-sungguh mentadbir kampung secara muafakat dan cemerlang. Penglibatan Kampung Tradisional, Kampung Orang Asli serta Rumah Panjang dalam pertandingan ini turut menzahirkan pengiktirafan Kerajaan terhadap kepelbagaian corak kepimpinan dan pengurusan kampung-kampung di negara ini.

4. Program yang mula dilaksanakan pada tahun 1987 ini pada awalnya dikenali dengan nama Pertandingan Kebersihan, Keindahan dan Kemajuan Kampung (PKKK), kemudian pada tahun 2000 ia ditambahbaik dan dinamakan Pertandingan Desa Cemerlang, tahun 2005 dinamakan Anugerah Desa Cemerlang, 2014 Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia dan mulai tahun 2017 ia dijenamakan semula sebagai **Anugerah Desa Perdana**. Program berbentuk pertandingan ini mensasarkan tiga (3) objektif utama iaitu :

(i) Merealisasikan program transformasi luar bandar yang lestari;

- (ii) Menyuburkan semangat patriotisme di peringkat akar umbi; dan
- (iii) Memajukan sosio-ekonomi desa yang mampan.

5. Kampung-kampung dan Rumah Panjang yang dicalonkan oleh kepimpinan daerah dan negeri ini perlu melalui proses penilaian berdasarkan lapan (8) kriteria yang ditetapkan meliputi keseluruhan organisasi sesebuah kampung iaitu patriotisme dan kemasyarakatan, kepimpinan dan pentadbiran, pendidikan dan latihan, ekonomi dan keusahawanan, pemerksaan peranan belia, teknologi maklumat dan komunikasi, kebersihan, kesihatan dan keceriaan kampung serta pengawasan kemudahan asas kampung.

6. Mulai tahun ini, Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri dilaksanakan mengikut zon iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak. Sebanyak 582 buah kampung tradisional termasuk rumah panjang dan kampung orang asli di seluruh negara telah layak dipertandingkan di peringkat daerah. Daripada jumlah itu, 159 kampung bertanding di peringkat negeri dan bagi peringkat kebangsaan, sebanyak 23 kampung dipilih mewakili Negeri dalam kategori masing-masing untuk merebut gelaran kampung dan Rumah Panjang terbaik tahun 2017. Bagi Negeri Sarawak, saya difahamkan sebanyak 110 buah kampung dan Rumah Panjang telah bertanding di peringkat daerah dan 21 buah di peringkat negeri. Pertandingan peringkat Kebangsaan nanti akan menyaksikan Negeri Sarawak akan mempunyai 4 kampung bertanding terdiri dari sebuah Kampung bagi Kategori Tradisional dan tiga(3) bagi kategori Rumah Panjang. Ini menyaksikan Negeri Sarawak mempunyai wakil yang paling banyak bertanding di Peringkat Kebangsaan.

7. Untuk makluman semua, kemuncak program ini adalah **Majlis Penyampaian Anugerah Desa Perdana Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 22 Ogos 2017** di Kuala Lumpur dan akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis tersebut akan dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang jemputan termasuk JKJK/JKJKP seluruh negara dan peserta Anugerah Desa Perdana yang bertanding pada peringkat kebangsaan.

PEMERKASAAN MODAL INSAN LUAR BANDAR

8. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor penentu kejayaan sesebuah kampung sangat bergantung pada kecekapan kepimpinan atau urus tadbir yang tidak lain tidak bukan diterajui oleh barisan JKJK/JKJKP , JKJK Orang Asli dan Rumah Panjang. Institusi ini adalah tunjang atau nadi dalam menentukan pembangunan kampung dan komuniti luar bandar. Sejak penubuhannya pada tahun 1962, peranan dan fungsi JKJK terus relevan sehingga ke hari ini sebagai mata dan telinga serta penghubung antara Kerajaan dengan rakyat sehingga ke akar umbi. JKJK/JKJKP juga berperanan penting sebagai penangkis fitnah oleh pihak-pihak luar yang cuba menggugat kestabilan negara.

9. Di samping faktor kepimpinan, penglibatan dan kerjasama padu daripada masyarakat perlu digembleng bagi memastikan segala usaha pembangunan yang dilaksanakan mencapai kejayaan. Kita namakan usaha ini sebagai Pembangunan Masyarakat sepertimana tafsiran oleh Institut Penyelidikan bagi Pembangunan Sosial Bangsa-bangsa Bersatu iaitu :

“Proses di mana segala usaha rakyat disatupadukan dengan usaha Kerajaan untuk membaiki keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan serta politik seluruh masyarakat, supaya usaha-usaha masyarakat itu dapat dipadukan pula dengan jiwa negara dan dengan ini masyarakat dapat memberi sumbangan yang penuh terhadap kemajuan negara.”

10. Pernyataan ini menunjukkan kepada kita pentingnya peranan tiap-tiap anggota masyarakat dalam usaha memajukan desa dan jelaslah bahawa ia bukan terletak semata-mata di atas bahu seorang pemimpin. Kejayaan yang tuan-tuan dan puan-puan capai pada hari ini adalah berlandaskan kepada prinsip yang saya sebutkan tadi. Tanpa persefahaman dan kesepaduan keseluruhan warga desa, kejayaan ini tidak mungkin dicapai.

11. Menyedari hakikat kepentingan perpaduan yang utuh antara kepimpinan JKKK dengan anggota masyarakatnya, Kerajaan terus komited untuk memperkukuhkan institusi ini khususnya dalam aspek kepimpinan dan kecekapan tadbir urus kampung dengan menyediakan program-program latihan bersesuaian secara berterusan. Mulai tahun 2017, Kementerian menyediakan program latihan yang memberi nilai tambah kepada program-program latihan yang telah diikuti sebelumnya. Program yang dinamakan Sijil Tadbir Urus Desa, dibangunkan dengan kerjasama Institut Kemajuan Desa (INFRA) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) menyediakan modul komprehensif bagi memperkukuhkan kompetensi kepimpinan desa. Sijil ini dianugerahkan oleh UniKL dan ia adalah setara dengan program-program peringkat sijil yang ditawarkan oleh mana-mana institusi pengajian tinggi. Setakat ini seramai 3,000 JKKK/JKKKP dan JKKKOA telah mengikuti program ini dan sijil akan disampaikan oleh YAB Perdana Menteri pada majlis yang diadakan bersekali dengan penyampaian Anugerah Desa Perdana Peringkat Kebangsaan pada 22 hari bulan nanti.

12. Selain memperkukuhkan kepimpinan desa, kementerian juga menyediakan pelbagai program latihan kepada masyarakat desa bagi memastikan modal insan luar bandar terus diperkasakan. Antara bidang yang diberi penekanan adalah keusahawanan termasuk perniagaan *online* dan program-program kemahiran jangka pendek atau *quick win* seperti jahitan, masakan, kecantikan, IT dan pertanian yang boleh membantu masyarakat menjana pendapatan. Untuk itu, Kementerian turut menyediakan kemudahan dan bantuan peralatan bagi memulakan perniagaan selepas mengikuti kursus. *Mobilepreneur* adalah salah satu inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk membantu golongan muda menjana pendapatan melalui

aktiviti perniagaan. Bagi tujuan meluaskan perniagaan, pelbagai kemudahan pembiayaan disediakan seperti Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) serta pembiayaan melalui agensi Kementerian seperti MARA. Diharap semua peluang yang disediakan ini dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar untuk mencapai pendapatan RM4,000.00 sebulan pada era negara mencapai status negara maju pada tahun 2020.

TRANSFORMASI LUAR BANDAR

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menguar-uarkan Program Transformasi Luar Bandar dengan aspirasi 'Membandarkan Luar Bandar' yang telah saya perkenalkan pada akhir tahun 2015. Program ini memberi penekanan kepada 6 fokus utama iaitu prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian bertujuan untuk memacu kemajuan luar bandar agar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara sebagaimana yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Ia adalah langkah strategik KKLW untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat di luar bandar mencakupi aspek kemajuan, kepuasan, keselesaan dan peningkatan penglibatan masyarakat desa dalam aktiviti-aktiviti produktif. Objektif program ini adalah untuk :

- i) Menjadikan kawasan luar bandar yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti penduduk di bandar;
- ii) Memajukan luar bandar melangkaui penyediaan infrastruktur asas;
- iii) Menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi keusahawanan dan mencipta peluang-peluang pekerjaan;
- iv) Memajukan masyarakat luar bandar melalui perubahan sikap dan minda , peningkatan ilmu dan kemahiran yang mampu membantu Ketua Isi Rumah (KIR) termasuk membasmi kemiskinan di luar bandar secara konsisten dan terancang;
- v) Memampakan alam sekitar dan masyarakat luar bandar yang berpegang teguh kepada kepercayaan agama dengan nilai-nilai murni; dan
- vi) Menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal dan membina masa hadapan di luar bandar.

14. Antara inisiatif yang diperkenalkan di bawah program ini adalah memperkasakan JKKK/JKKKP sebagai jentera pentadbiran di peringkat akar umbi, TABIKA KEMAS berprestasi tinggi, Perumahan Generasi Kedua luar bandar, meluaskan dan memperkukuhkan TVET kepada masyarakat luar bandar,

menggalakkan penglibatan belia dalam bidang keusahawanan, memperluaskan perniagaan *online* di luar bandar serta menggiatkan penyediaan prasarana di pedalaman Sabah, Sarawak dan perkampungan Orang Asli. Tuan-tuan dan puan-puan juga telah mendengar dan mengetahui mengenai *Rural Transformation Center* (RTC) dan mini RTC, MARA Digital, *Rural Business Challenge* (RBC), Karnival Usahawan Desa (KUD) dan Rumah Bina Negara (RBN) iaitu sebahagian inisiatif di bawah program Transformasi Luar Bandar ini.

15. Selain program-program yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian juga bercadang mewujudkan Desa Digital dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi menyokong dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di luar bandar melalui penyediaan jaringan internet jalur lebar yang luas dan stabil. Ia bertujuan untuk merangsang pembangunan sosio ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Pewujudan Desa Digital ini akan menyokong dan memperkukuhkan aktiviti keusahawanan dan perniagaan di luar bandar untuk melonjakkan ekonomi luar bandar.

16. Bagi membantu penyediaan perancangan pembangunan kampung yang komprehensif, Kementerian mengambil inisiatif menyediakan platform perkongsian maklumat asas kampung untuk dikongsi oleh semua pihak yang berkepentingan melalui aplikasi 'iDesa'. Ia boleh diakses dan dimuat turun menggunakan telefon mudah alih melalui aplikasi *Google Play Store* dan *Apple App Store*. Sistem data profil kampung ini menyenaraikan 16,000 kampung dan menyediakan maklumat berkaitan prasarana dan kemudahan asas kampung, produk dan sumber ekonomi serta tempat-tempat menarik di kampung berkenaan. Bagi memastikan data dan maklumat ini sentiasa kemas kini, saya menyeru dan memohon kerjasama JKKK/JKKKP untuk membuat pengemaskinian berterusan dari semasa ke semasa.

17. Selaras dengan inisiatif terbaharu Kerajaan untuk menyediakan perancangan jangka panjang negara bagi tempoh tiga puluh (30) tahun melangkaui 2020 yang dinamakan Transformasi Nasional 2050 atau TN50, Kementerian juga sedang merangka **Dasar Pembangunan Luar Bandar** sebagai pelan induk pembangunan luar bandar sehingga 2050. Bagi tujuan ini, Kementerian telah melaksanakan program **Bicara Komuniti TN50** dan perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan input-input secara terus dari kumpulan sasaran terutamanya golongan belia luar bandar mengenai harapan mereka menjelang tahun 2050. Kementerian juga menyediakan platform interaksi secara terus antara saya selaku Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan JKKK/JKKKP yang mewakili rakyat luar bandar iaitu Majlis Muafakat Desa bertujuan mendapat maklumbalas dua hala mengenai perkara-perkara berkaitan pengurusan kampung.

18. Semua program ini, telah dan sedang kita laksanakan di samping membuat penilaian berterusan bagi memastikan keberkesanannya untuk manfaat rakyat luar bandar. Saya amat berharap segala inisiatif yang digerakkan ini dapat memacu

pembangunan luar bandar dalam persekitaran yang lestari dengan komuniti yang sejahtera. Kawasan luar bandar masih mendominasi keluasan negara iaitu **75%** daripada keseluruhan 330,803 kilometer persegi keluasan Malaysia. Namun, jumlah penduduknya kian menurun pada setiap tahun dengan angka terkini **26.3% pada 2014 berbanding 29.1% pada 2010**. Perkara ini memberi cabaran kepada Kementerian dalam memastikan luar bandar mencapai kemajuan seiring dengan kawasan bandar. Justeru, Kementerian akan terus berusaha menyediakan pelbagai inisiatif untuk memastikan penduduk luar bandar kekal tinggal di desa manakala golongan muda yang berhijrah tertarik untuk kembali dan tinggal di desa. Di bawah RMK-11, digariskan empat (4) inisiatif utama untuk menghadapi cabaran ini iaitu :

- i) Memperkukuhkan aktiviti ekonomi luar bandar;
- ii) Mempertingkatkan keupayaan modal insan;
- iii) Menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan asas luar bandar yang berkualiti; dan
- iv) Memperkembangkan sistem penyampaian.

19. Saya berharap dan berdoa agar semua yang telah kita usahakan akan diakhiri dengan kejayaan berlandaskan kepada keutuhan kerjasama semua pihak sama ada Kementerian sendiri, kepimpinan desa dan masyarakat luar bandar seterusnya sokongan oleh kepimpinan di peringkat daerah dan negeri serta agensi-agensinya yang lain. Selaras dengan visi menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, luar bandar perlu dibangunkan berasaskan kekuatan sumber sedia ada, infrastruktur yang baik dan ketekunan tenaga kerja untuk memacu kemajuan kampung. Luar bandar Malaysia mempunyai pelbagai keunikan yang perlu dieksploitasi sebagai sumber ekonomi yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat. Kita harus berbangga kerana negara-negara dunia ke-3 mengiktiraf program pembangunan luar bandar kita sebagai model terbaik untuk dicontohi. Namun, kita tidak harus berpuas hati tetapi perlu terus berusaha untuk mencapai sekurang-kurangnya taraf penduduk di kampung-kampung di negara Korea yang bermula dengan gerakan *Saemaul Undong* dan kini mempunyai rangkaian koperasi Nonghyup yang digagaskan oleh petani atau Mondragon di Sepanyol yang maju melalui dokongan kesatuan penduduk dan kekuatan koperasi sebagai pemangkin kemajuan kampung.

PENUTUP

20. Akhir sekali saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada kepimpinan kampung yang telah meneraju kampung masing-masing tanpa penat dan lelah. Tahniah kepada yang akan menang dan jadikan kejayaan ini sebagai motivasi untuk lebih maju. Bagi yang kurang bernasib baik, tingkatkan usaha dan terus berazam.

21. Kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, saya mewakili KKLW mengucapkan terima kasih dan berharap kerjasama ini diteruskan dimasa-masa akan datang.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.